

Perguruan kecil sekat kemajuan silat olahraga

Oleh RAHIME YUSOFF

SILAT olahraga tidak akan dapat berkembang sepenuhnya selagi kira-kira 1,000 pertubuhan kecil yang bertaburan di negara ini tidak mendaftar secara rasmi dengan Pendaftar Pertubuhan.

Setiausaha Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia (Pesaka), Rahman Hassan, berkata tanpa pendaftaran sah, pertubuhan silat tidak boleh menghantar pesilat bertanding di peringkat negeri atau kebangsaan.

Ini, katanya, menyebabkan kejuaraan silat olahraga gagal menarik jumlah penonton besar. *B. Harlan (M)*

"Jika pertubuhan silat yang kecil itu bergerak secara rasmi dengan pendaftaran sah, sudah pasti kejuaraan silat peringkat negeri akan lebih hangat lagi," katanya.

Setakat ini, hanya 240 pertubuhan silat bergabung dengan 14 Majlis Silat Negeri yang menjadi ahli gabungan kepada Pesaka. Selain mereka, empat perguruan utama bergabung terus dengan Pesaka iaitu Persatuan Seni Silat Gayong Malaysia, PSS Gayong Fathani, PSS Cekak dan PSS Lincah. **26 JUL 1991**

"Kami dapati, kebanyakan pertubuhan itu bergerak secara tidak berdaftar kerana tidak tahu cara berbuat demikian, di samping ada yang tidak mahu menonjol diri atau bergerak secara senyap-senyap. Oleh itu, sikap ini perlu dikikis demi kemajuan seni silat terutama silat olahraga," katanya semalam.

Rahman berkata, masalah ini mungkin diatasi tidak lama lagi selepas Pesaka mencapai kata sepakat dalam satu perjumpaan dengan guru-guru utama pertubuhan silat sempena Seminar Kebangsaan Silat Melayu, minggu lalu.